



**FAKULTI SAINS KOMPUTER
DAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA**

***PERMOHONAN PELEPASAN DARI
MENGHADIRI KELAS DAN TUTORIAL***

FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT UNIVERSITI MALAYA

Permohonan Pelepasan dari Menghadiri Kelas Tutorial

Pada asasnya, Fakulti tidak dapat membenarkan pelajar untuk meninggalkan kuliah atau sebarang kerja akademik yang lain kecuali atas alasan perubatan yang disokong dengan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Doktor Perkhidmatan Kesihatan Universiti atau Hospital Kerajaan atau Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Walaubagaimanapun, bagi kes-kes tertentu sahaja pelepasan diberi dengan syarat pelajar dikehendaki berjumpa dengan pensyarah yang berkenaan untuk berbincang dan mengemaskinikan nota-nota bagi semua kuliah dan tutorial yang tidak dihadiri dalam tempoh berkaitan.

Pelajar juga perlu berjumpa kakitangan akademik berkaitan untuk urusan menggantikan kelas makmal yang tertinggal atau kerjakursus lain. Kelulusan menggantikan kelas makmal berkaitan adalah di atas budi bicara kakitangan akademik berkenaan.

Bagaimanapun pelajar tidak akan dikecualikan daripada menduduki ujian bagi mana-mana subjek yang dijalankan semasa tempoh tersebut. Ujian gantian juga tidak akan dijalankan. Pelajar hendaklah mengurus aktivitinya supaya tidak bercanggah dengan keperluan akademiknya.

Mana-mana pelajar yang mencapai kehadiran di bawah 80% tanpa sebab yang boleh diterima atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran pensyarah berkenaan akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir kursus oleh Dekan. Pelajar akan diberi gred F untuk kursus berkenaan.

Panduan Kepada Pelajar Pemerhatian

Pelajar yang berada dalam tempoh pemerhatian merupakan kumpulan pelajar yang perlukan bimbingan. Dengan itu beberapa perkara perlu dikuatkuasakan seperti:

- (1) Tidak boleh mendaftar melebihi 12 jam kredit
- (2) Fakulti tidak akan meluluskan sebarang permohonan pelepasan khas dari menghadiri kuliah/tutorial
- (3) Diwajibkan mengikuti program sokongan pembelajaran Fakulti